

# PM: CONTOHI 4 SIFAT NABI MUHAMMAD

U.M. 10 SEP 1992

**KUALA LUMPUR** 9 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru masyarakat Islam mencontohi sifat-sifat yang ada kepada Rasulullah S.A.W. untuk mencapai kecemerlangan.

Katanya, sifat-sifat kenabian baginda iaitu *sidiq* (benar) *amanah*, *tabligh* (menyampaikan) dan *fatamah* (bijaksana) merupakan ciri-ciri penting yang harus dihayati dan dilaksanakan dalam kehidupan harian.

Sehubungan itu beliau menyeru kepada pemimpin-pemimpin masyarakat, pentadbir, golongan profesional dan seluruh umat umumnya berusaha memiliki sifat-sifat ini dan mencontohi tingkah laku Rasulullah dalam setiap tindak-tanduk mereka.

## Nilai mulia

"Jika empat sifat ini dihayati dan dilaksanakan dalam kehidupan seharian kita, saya percaya kita dan masyarakat kita akan berupaya mencapai kecemerlangan dalam semua bidang kehidupan seperti yang dicita-citakan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Perhimpunan Maulidur

Rasul S.A.W Peringkat Kebangsaan di Dataran Merdeka di sini pagi ini.

Beliau berkata, nilai-nilai mulia yang kerajaan terapkan dalam pentadbiran negara adalah berdasarkan kepada nilai-nilai tersebut.

"Kita mestilah sedar bahawa setiap kejayaan yang ingin dicapai hendaklah melalui pemilikan sifat-sifat mulia ini dan usaha yang bersungguh-sungguh tanpa mengenal rasa jemu dan putus asa," katanya.

Perdana Menteri seterusnya membidas golongan yang tidak mengutamakan perpaduan dan hanya menonjol-nonjolkan identiti kumpulan dan perkara-perkara yang bersifat individualistik dan sementara.

Beliau berkata, mereka ini jelas mementingkan diri sendiri sahaja dan jika perkara itu masih menguasai diri, maka masalah yang lebih besar tidak akan dapat diputuskan.

"Inilah penyakit yang sukar untuk diubati dalam masyarakat Islam hari ini," katanya.

Sehubungan itu Perdana Menteri mengajak umat Islam membetulkan tekad dengan menumpukan kepada soal-soal yang lebih utama ke arah membangunkan kecemerlangan umat sekaligus mengeneppikan unsur-unsur yang boleh memecah-belahkan perpaduan mereka.

**LIHAT MUKA 2**

U.M. 10 SEP 1992  
PM: CONTOHI 4 SIFAT NABI MUHAMMAD

Katanya, umat Islam juga mestilah mempunyai fikiran yang lebih terbuka, mempunyai kemahuan yang kuat untuk maju ke depan dan memperlengkapkan diri dengan ilmu-ilmu pengetahuan yang luas dan berdaya maju, mempunyai daya tahan serta daya saing yang unggul.

Beliau menambah, salah satu elemen yang tidak kurang pentingnya dalam usaha untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia ini ialah perpaduan di kalangan umat.

"Walaupun soal ini bukan perkara baru tetapi kita mestilah sedar bahawa kegagalan kita beroleh sesuatu kejayaan ialah kerana adanya perpecahan di kalangan umat Islam hari ini.

"Kita sedang melihat bagaimana perpecahan di kalangan umat Islam menguntungkan musuh-musuh Islam," jelasnya.

Dr. Mahathir menegaskan, dalam sejarah perjuangan Rasulullah S.A.W pun tiada kejayaan yang diperolehi oleh baginda dan para sahabat melainkan melalui usaha-usaha perancangan, perundingan dan pelaksanaan yang tersusun, dan bersungguh-sungguh.

Tegas Perdana Menteri lagi, peperangan Khandak merupakan contoh terbaik di mana Rasulullah dan para sahabat baginda menggunakan akal fikiran dan bermesyuarat dengan sebaik-baiknya serta merancang dan bertindak secara kolektif melalui strategi yang betul.

"Dalam peristiwa itu umat Islam di bawah kepimpinan Rasulullah S.A.W berjaya mengalahkan musuh hasil daripada usaha mereka yang bersungguh-sungguh," tegasnya.

Bagaimanapun, katanya, kekalahan pasukan Rasulullah dalam peperangan Uhud akibat sikap tidak berdisiplin pasukan baginda jelas menunjukkan betapa pentingnya sifat-sifat yang mulia dalam menentukan kejayaan di dunia dan akhirat.

"Jika Nabi boleh kalah kerana kelemahan pengikut-pengikut baginda, apatah lagi kepimpinan manusia biasa," tambahnya.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, dalam mengharungi dan menangani arus kemajuan ini, kita tidak akan terlepas daripada menempuh pelbagai keadaan, cabaran dan dugaan.

"Segala cabaran dan dugaan yang buruk dan bercanggah dengan nilai-nilai moral dan pegangan agama kini lebih mudah berleluasa ke dalam tembok budaya kita melalui peralatan-peralatan yang canggih seperti satelit," tambahnya lagi.

Oleh itu, Dr. Mahathir berkata, bagi melawan arus ini, penapisan dan pendinding yang boleh menjadi benteng bagi umat Islam ialah pegangan kepada nilai-nilai yang mulia yang boleh mengukuhkan ketahanan diri sendiri.

Ketika diminta mengulas ucapannya selepas majlis itu Perdana Menteri berkata, apa yang berlaku di Timur Tengah harus dicontoh kerana peperangan sesama Islam tidak akan menguntungkan mereka.

"Sebaliknya ia memberi peluang kepada kuasa besar untuk mengambil kesempatan," katanya.